



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 51 - Nov 05 - Jan 06

15hb Februari 2006



Majlis Peletakan Batu Asas dan Pecah Tanah Masjid UiTM Sarawak (m.s. 3)

Kita Menang Lagi (m.s. 3)



inside !

Mesej Prof Madya Dr Jamil Hj. Hamali

Majlis Pecah Tanah

Anugerah Kualiti

11D 2006: STestMAP

Syabas to our KARISMA athletes

KKK UiTMCS melawat Pontianak

Nadra's Student Exchange Experiences

Nakhoda MPP Bertukar

CSSR di UiTM Terengganu

"Excellence in knowledge must be accompanied by spiritual soundness" - YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud

Tahniah! kepada kontinjen UiTM Sarawak!

Rafidah Nawawi



Untuk julung-julung kalinya UiTM Sarawak telah terpilih mewakili sistem UiTM ke peringkat Festival Tari Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM).

Pertandingan ini telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 20 dan 21 Januari 2006 yang lepas.

Pemilihan UiTM Sarawak adalah berdasarkan kepada pencapaian UiTM Sarawak yang merangkul gelaran juara pada Festival Tari untuk sistem UiTM di kampus utama pada tahun lepas.

Kontinjen UiTM yang terdiri daripada 20 orang termasuk penari, *choreographer* dan pegawai pengiring terbang ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan satu azam iaitu untuk memberi persembahan terbaik dan seterusnya memenangi pertandingan. Ini kerana persediaan telah dilakukan semenjak 15 Disember 2005 yang lepas.

Berkat usaha gigih dari semua termasuk pentadbiran UiTM Sarawak dan iringan doa, UiTM buat pertama kalinya mendapat tempat ketiga dan ini adalah kemenangan pertama sistem UiTM dalam pertandingan MAKUM. Universiti Malaya (UM) telah menjadi juara manakala Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) merangkul tempat kedua.

Tahniah diucapkan kepada kontinjen UiTM Sarawak kerana bukan sahaja telah mengharumkan nama UiTM malahan membuktikan pelajar UiTM Sarawak ialah pelajar *versatile* yang bijak dalam pengajian, aktif bersukan dan anggun berbudaya.

Nantikan...

Rafidah Nawawi

Bulan Julai 2006 menjanjikan satu lagi sejarah bakal dicatatkan oleh UiTM Sarawak. Ini kerana buat pertama kalinya UiTM Sarawak akan menganjurkan Festival Tari Peringkat IPT Borneo 2006. Ini bermakna IPT daripada Sabah, Negara Brunei Darussalam dan Kalimantan akan turut serta.

Objektif festival ini diadakan untuk memberi peluang kepada penggiat seni untuk memperkembangkan seni budaya Borneo. Selain daripada itu, melalui festival ini diharapkan belia akan bergiat dalam aktiviti sihat seperti kebudayaan dan kakak serta abang 'mereka di IPT sebagai 'role model'.

Pertandingan festival tari ini akan terbahagi kepada 2 persembahan iaitu tarian asli dan kreatif. Cuma maksima 16 penari dibenarkan untuk setiap universiti yang menyertai festival.

Festival tari ini adalah sebahagian daripada sambutan ulangtahun UiTM ke 50. Penganjur bersama festival ini ialah pihak MPP UiTM Sarawak dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Sarawak. Selain daripada itu Kementerian Pelancongan Sarawak telah sudi menaja festival ini. Diharapkan ramai lagi pihak swasta akan turut menaja festival ini dan seterusnya memeriahkan lagi festival ini.

Mulai dari sekarang kita harus bersedia menyambut tetamu kita dari serata Borneo dan memastikan penganjuran kali ini adalah yang paling meriah pernah kita adakan. Insya-Allah. Buktikan bahawa kita ialah warga IPT yang berbudaya dan berbudi bahasa. Bahasa mencerminkan bangsa.

PEWANI, KFC & SPK (B)

Helen Pereira

The Social and Welfare Bureau of PEWANI, UiTM Sarawak recently organised a Majlis Buka Puasa for the blind children of Sekolah Pendidikan Khas (Buta), Batu Lintang. A total of about 100 children and staff took part in the event which was held at the Saujana KFC Kuching on 27 October 2005. Mr Kenneth Lim, the Marketing Manager of KFC helped to arrange the venue and the special rate for the event.

The Chairperson of PEWANI, Pn Siti, expressed her happiness at having been given the opportunity to celebrate the event with the underprivileged children. In her speech, she encouraged the children to endeavor for success despite their handicap. The headmistress was given a token amount of RM500.00 while the children were given toys, courtesy of KFC.

Single mothers were also not forgotten. Each child of the single mothers received an amount of RM50.00 which was presented by the Chairperson of PEWANI.



